

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
MALAYSIA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA  
LUMPUR  
TUNTUTAN NO: TPM-WP-(P)-364-2022**

**ANTARA**

**ONG SIEW ENG**

**...PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**AGENSI PEKERJAAN JL  
RELIANCE SDN BHD**

**... PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**FAKTA KES**

1. Pada 11 Nov 2021 Pihak Yang Menuntut ( PYM) Ong Siew Eng telah berurusan dengan Cik Kelly Chuan, wakil Pihak Penentang ( PP) iaitu RELIANCE JL SDN BHD untuk mendapatkan seorang pembantu domestik Indonesia. PYM telah membayar melalui beberapa peringkat dan jumlah yang dibayar adalah RM 32,700. Mengikut PYM, tiada

kontrak bertulis ditandatangani untuk mendapatkan seorang pembantu rumah untuk tempoh 2 tahun.

2. Setelah PYM membuat segala bayaran, pada 23 Feb 2022 PYM telah mengambil pembantu rumah Maria Sarlince Hoar dari PP. PP telah menyimpan paspot pembantu rumah dan berjanji akan menghantar seorang “runner” untuk membawa Maria untuk memohon permit kerja dari pihak Imigresen . Namun demikian sehari sebelum wakil atau “runner” PP sempat membawa Maria ke pihak Imigresen, PYM mendapati Maria telah melarikan diri pada 8 Mac 2022, jam 8:30 pagi. Oleh yang demikian PYM telah menuntut dikembalikan keseluruhan wangnya.
3. PP mengatakan memang ada perjanjian yang ditandatangani oleh PYM pada 23 Feb 2022 tetapi PP tidak mengemukakan sesalinannya di Tribunal. Kedua-dua pihak bersetuju yang PYM telah membayar RM32700 kepada PP. PP cuma sanggup kembalikan RM10,719 kepada PYM dan tawaran ini ditolak oleh PYM yang memfailkan tindakan hari ini.

## **ALASAN PENGHAKIMAN**

4. Tribunal telah mendengar kedua- dua pihak iaitu Ong Siew Eng dan wakil PP. Kelly Chuan. Didapati perjanjian setakat ini lisan saja dan PP telah gagal memenuhi balasannya untuk membekalkan seorang pembantu rumah yang yang mempunyai permit bekerja dan sah dari segi undang- undang. Sehingga tarikh Maria melarikan diri, beliau cuma memegang pas melawat dan tiada permit kerja yang sah. Oleh

yang demikian didapati PP yang mengingkari perjanjian kerana Maria telah melarikan diri sehari sebelum dapat memohon permit kerja. Bayaran wang PYM gagal dibalas dengan balasan yang dijanjikan oleh PP, iaitu membekal seorang pembantu domestik yang sah di sisi undang-undang.

### **TUNTUTAN PP UNTUK YURAN BIODATA**

5. Sebelum Tribunal memberi award kepada PYM, PP telah menuntut ditolak bayaran yuran Biodata dan lain-lain bayaran yang PP telah membayar kepada Syarikat Agency Indonesia dan pihak lain dalam memproses permohonan untuk pekerja domestik ini . Namun tiada resit rasmi daripada Agensi Pekerjaan Indonesia dikemukakan. Sepatutnya resit rasmi dikeluarkan kepada PP oleh Syarikat Agensi Indonesia. Namun bayaran untuk biodata Maria oleh PP dibuat atas nama-nama individu Indonesia tanpa resit rasmi dikeluarkan untuk jumlah yang agak besar , iaitu RM10,500. (Ini bercanggah dengan jumlah yang dinyatakan oleh PP dalam Borang 2). Maka kredibiliti PP menjadi tandatanya dan oleh yang demikian permohonan PP untuk penolakan yuran biodata dari tuntutan PYM ditolak samasekali.

### **TUNTUTAN PP UNTUK KOS MY TRAVEL PASS**

6. Permohonan ‘My Travel Pass’, iaitu permit lawatan adalah secara atas tak lan atau ‘online’ dan percuma jika dipohon sendirinya oleh PYM. PP telah mengenakan bayaran RM 1800. Tribunal membenarkan

RM200 saja sebab prosesnya amat senang dan ringkas dan boleh dipohon sendiri.

### **TERMA YANG BERAT SEBELAH**

7. PYM telah diberi opsyen untuk menggaji seorang Pembantu Domestik baru untuk mengantikan Maria. Namun syaratnya oleh PP adalah PYM hendak membayar wang tambahan lagi dan PUM tidak seharusnya dipaksa mengambil pekerja domestik yang baru bagi mengantikan Maria.. Syarat ini nampaknya berat sebelah dan tidak adil. Sebut harga dalam surat PP yang mengenakan RM8800 terhadap PYM untuk memohon pembantu rumah baru untuk mengantikan pembantu rumah lama yang melarikan diri adalah tidak berpatutan dan berat sebelah. Ia adalah terma yang tidak adil dan melanggar S 24 D Akta Perlindungan Pengguna ( Akta 599). Tambahan pula PP yang gagal membekalkan pembantu rumah yang mempunyai permit kerja yang sah bila Maria melarikan diri sebelum dapat memohon permit kerja bagi memenuhi perjanjian. PP adalah agensi yang menjalankan perkhidmatan dan mendapatkan keuntungan yang lumayan . Namun demikian, terma-terma adalah berat sebelah kerana menolak risiko dan liabiliti sebagai suatu entiti perniagaan kepada pelanggannya . Lihat sek sek 24D (1) seperti di bawah-

*24D. (1) Kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil secara substantif jika kontrak atau terma kontrak itu—*

(a) adalah dengan sendirinya keras;

(b) adalah menindas;

(c) adalah tidak berpatutan; Perlindungan Pengguna 45

(d) mengecualikan atau mengehadkan liabiliti bagi kecuaian; atau (e) mengecualikan atau mengehadkan liabiliti bagi memungkiri terma kontrak yang nyata atau tersirat tanpa justifikasi yang kukuh

8. Tuntutan PYM adalah untuk keseluruhan RM32,700.00 berdasarkan kegagalan PP untuk membekal seorang Pembantu Domestik yang sah di sisi undang-undang. Tuntutan balas PP adalah untuk segala perbelanjaan yang digunakannya dalam proses memperolehi perkhidmatan Maria berjumlah RM21,981. Tribunal telah mengurangkan tuntutan balas PP kepada jumlah yang lebih menasabah seperti dibawah:-

<b>JENIS TUNTUTAN BALAS PP</b>	<b>JUMLAH TUNTUTAN PP - RM</b>	<b>JUMLAH YANG DIBENARKAN TRIBUNAL – RM</b>
My Travel pass	1800	200
Kos Kuarantin	2450	2450
Yuran Fomema	135	135
Yuran Biodata Ajensi Indonesia	10,500	0
Pendahuluan gaji	2000	0
Yuran konsulatasi PP	3000	1000

Makanan dan Penginapan Maria	500	500
Latihan Maria	600	0
Gaji	996 ( 23 hari)	650 ( 15 hari)
<b>Jumlah</b>	<b>21981</b>	<b>4935</b>

### **AWARD (BORANG 10)**

Berdasarkan alasan- alasan tersebut diatas PP diperintahkan membayar jumlah RM32700 tolak RM4935 iaitu **RM27765** kepada PYM dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah ini.

Bertarikh: 3 Ogos 2022

t. t.

**LEE CHEE THIM**

PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN  
PENGGUNA MALAYSIA